

NO. SOALAN: 126

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI
DATO' OTHMAN SAID [Pengerang]**

RUJUKAN : 8011

SOALAN:

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kanak-kanak yang menjadi anak angkat mengikut pecahan agama di Malaysia sejak 10 tahun yang lalu; dan
- (b) berapakah jumlah ibu bapa yang mengambil anak angkat di Malaysia mengikut pecahan warganegara dan bukan warganegara Malaysia.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) jenis pengangkatan di Semenanjung Malaysia iaitu pengangkatan De Facto dan pengangkatan melalui Perintah Mahkamah. Bagi Pengangkatan De Facto, pendaftaran dibuat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) manakala Pengangkatan Melalui Mahkamah pendaftaran dibuat melalui Perintah Pengangkatan yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan seterusnya Jabatan Pendaftaran Negara hanya mendaftarkan pengangkatan tersebut di bawah Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257). Oleh itu, mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah kanak-kanak didaftarkan sebagai anak angkat di Malaysia selaras dengan Akta-Akta berkaitan dari tahun 2006 sehingga bulan April 2015 yang lalu adalah seramai 67,022 orang dan pecahan mengikut agama adalah seperti berikut:-

AGAMA					JUMLAH (ORANG)
ISLAM	KRISTIAN	BUDDHA	HINDU	LAIN-LAIN	
49,203	7,487	4,921	3,572	1,839	67,022

*Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara
Tarikh Kemas Kini : 11 Mei 2015*

Bagi menjawab soalan (b) pula, jumlah ibu bapa yang mengambil anak angkat di Malaysia dalam tempoh yang sama mengikut status kewarganegaraan ibu bapa angkat adalah seperti berikut:-

STATUS KEWARGANEGARAAN IBU BAPA ANGGAT	JUMLAH (ORANG)
Kedua-dua ibu bapa warganegara Malaysia	56,256
Salah seorang ibu bapa warganegara Malaysia	9,870
Kedua-dua ibu bapa bukan warganegara Malaysia	896
JUMLAH KESELURUHAN (ORANG)	67,022

*Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara
Tarikh Kemas Kini : 11 Mei 2015*